


SENTIASA BERWASPADA

LINDUNGI DATA PERIBADI ANDA


Data peribadi adalah maklumat yang dapat mengenal pasti seseorang individu. Ia merangkumi maklumat seperti:

- Nama
- Tarikh Lahir
- Nombor Kad Pengenalan
- Nombor Pasport
- Alamat
- Nombor Telefon
- Data Lokasi
- Nombor akaun bank dan kad kredit
- Nama pengguna dan kata laluan akaun



BAGAIMANAKAH IA BOLEH DIEKSPLOTASI?


Data ini boleh dicuri dan digunakan oleh penjenayah siber dengan pelbagai cara, termasuk:



Mengakses akaun anda



Membuat pembelian palsu



Menyamar, mengintai atau memeras ugut


MENGAPAKAH SAYA PERLU TAHU?

- \$7.7 juta telah hilang antara Januari dan April 2020 daripada penipuan khidmat sokongan teknologi, di mana penjenayah siber menipu mangsa untuk memasang "aplikasi perisian" dengan alasan untuk menyelesaikan masalah sambungan internet atau menyiasat kejadian godam.
- Penipu kemudian mengakses dan mengeksplotasi data peribadi mangsa melalui perisian berniat jahat yang dipasang.
- Dalam kes lain, mangsa ditipu supaya mereka mengklik pautan meragukan yang menyimpan ulat digital atau trojan, yang boleh menyalin, memadam atau mengubah data individu tersebut.

#SentiasaBerwaspada

Periksa Sebelum Anda Klik

APAKAH ANTARA CARA-CARA DATA SAYA BOLEH DICURI?



BERIKUT ADALAH BEBERAPA PERKARA YANG PERLU DIAWASI!



PEMANCINGAN DATA

- Pemancingan data digunakan oleh penipu untuk menipu anda supaya memberikan mereka maklumat peribadi atau kewangan anda seperti maklumat log masuk, nombor akaun bank dan nombor kad kredit.
- Ia sama ada dalam bentuk e-mel palsu, pesanan telefon atau laman web yang meniru syarikat yang sah.

PERISIAN HASAD (MALWARE)

- Perisian hasad adalah perisian berniat jahat yang boleh melumpuhkan alat digital anda atau mencuri data anda.
- Penipu akan menarik perhatian anda untuk mengklik pautan atau lampiran meragukan yang disertakan dalam e-mel atau mesej yang sering mengandungi perisian hasad.




MENGGODAM

- Penipu boleh memintas rangkaian WiFi yang tidak selamat. Ini membolehkan mereka mengakses fail anda atau mengintai aktiviti anda dalam talian.

#SentiasaBerwaspada


Periksa Sebelum Anda Klik

BAGAIMANAKAH CARA MELINDUNGI DATA PERIBADI SAYA?



BERIKUT ADALAH BEBERAPA AMALAN DIGITAL YANG SELAMAT UNTUK MELINDUNGI DATA PERIBADI ANDA DALAM TALIAN!

- Elakkan daripada menyiar maklumat hubungan anda seperti alamat rumah atau nombor telefon.
- Jangan simpan maklumat perbankan dan peribadi di alat digital anda. Log keluar selepas setiap transaksi.



- Berwaspada dengan e-mel atau mesej yang tidak dikenali, yang meminta data peribadi anda, meminta anda mengklik pautan atau memuat turun lampiran.
- Penipu sering menyamar sebagai pegawai pemerintah atau wakil dari syarikat yang dikenali (contohnya bank dan syarikat telekomunikasi) untuk meraih kepercayaan anda. Jangan membala atau mengklik pautan jika anda tidak dapat mengesahkan kesahihan pengirimnya.

- Matikan hubungan Bluetooth di alat digital anda apabila tidak diguna, kerana ia membuka ruang untuk penggodam mencari kelemahan keselamatan.
- Gunakan kata laluan yang kukuh, dan aktifkan Pengesahan Dua Faktor (2FA) jika ada, untuk perlindungan tambahan.
- Jangan membuat transaksi yang melibatkan maklumat peribadi atau rahsia di rangkaian Wi-Fi yang tidak selamat.
- Segera kemas kini semua perisian dan aplikasi di peranti anda apabila terdapat versi baru. Ini membetulkan pepijat dan perbaiki sebarang kecuaian keselamatan untuk memerangi virus dan perisian hasad baru.



#SentiasaBerwaspada

Periksa Sebelum Anda Klik